

## **TAHAP II**

## KANDUNGAN TAHUN 4

Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Muzik KBSR, murid Tahun 4 perlu mempelajari dan menguasai :

### 1. KONSEP MUZIK

#### (a) Irama

- Detik
- Meter 2 ; 3 ; 4  
4 4 4
- Tempo lambat ; Tempo cepat ; Perubahan tempo ; Tempo sederhana
- Tekanan dalam meter 2an ; 4an ; 3an
- Nilai not dan tanda rehat - Nilai dan notasi not panjang, not pendek dan tanda rehat



- Corak Irama - Rentak Mac, Masri, Waltz dan Inang
- Ostinato - Ostinato irama

#### (b) Melodi

- Pic tinggi / rendah / tengah / tertinggi / terendah/ menaik / menurun dan Solfa la ; so ; fa ; mi ; re ; do  
Warna ton suara atau bunyi manusia (lelaki/ perempuan / kanak-kanak) ; Haiwan ; Alam sekitar ; Perkusi badan ; Alat perkusi ; Alat muzik ; Bahan improvisasi.

- Tekstur dalam muzik solo ; muzik berkumpulan
- Bentuk - Struktur A B ; A B A  
- Frasa

#### (c) Ekspresi


- Dinamik - Lembut ; Kuat ; Beransur lembut ; Beransur kuat.
- Mud - Riang ; Sedih ; Bersemangat ; Cemas ; Takut ; Tenang.

#### (d) Bahasa Muzik


- Istilah dan Tanda Isyarat :  
- Istilah : *Piano* ; *Forte* ; *Andante* ; *Allegro*

- Tanda isyarat :

Baluk




Garis bar



Garis tamat



Tanda ulangan



Klef trebel



*p*

*f*


## 2. KEMAHIRAN

### (a) Nyanyian

- Teknik Menyanyi: Postur ; Sebutan ; Pernafasan ; Ekspresi

### (b) Permainan Alat Muzik

- Perkusi - Memegang/mengendali dan memainkan alat perkusi termasuk semua perkusi ringan yang dipelajari (loceng, kastanet, kayu tiktok, kerincing, tamborin, dram getar, dram tenor, simbal, rekoder, *sound-block*, *wood-block*) dram getar dan dram tenor.
- Rekoder - Teknik bermain rekoder
  - Postur ;
  - Penjarian not G, A , B, C', D'



- Pernafasan
- *Embouchure*
- Penglidahan
- Penghasilan Ton

### (c) Kriteria Persembahan

- Keseimbangan ; Kesepaduan ; Etika persembahan

## 3. KREATIVITI


Pengalaman meneroka, mengimprovisasi dan mereka cipta dengan bunyi.

## 4. APRESIASI

Memberi respon terhadap karya dan persembahan muzik secara lisan, perbuatan, lukisan dan tulisan.



**ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK**  
**PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BAHASA MUZIK**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
1.1	IRAMA 1.1.1 Detik • Detik berkala	ARAS 1 (a) Mengecam detik berkala pada lagu yang diperdengar dengan betul.			Mengesan detik berkala pada lagu. Memainkan detik berkala dengan perkusi badan atau alat perkusi.
	1.1.2 Tekanan • 2an ; 4an ; 3an	(a) Mengecam tekanan detik pertama dalam lagu yang diperdengar dengan betul.			Mendengar dan mengesan detik pertama dalam lagu yang diperdengarkan. Memainkan detik pertama dengan alat perkusi.
	1.1.3 Meter • 2 ; 4 ; 3 4 4 4	ARAS 1 (a) Mengenal pasti meter lagu-lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2 Menyatakan perbezaan meter 2 , 3 dan 4 4 4 4 dengan betul.	ARAS 2 Menyatakan ciri-ciri meter 2 , 3 dan 4 4 4 4 dengan betul.	Mendengar dan menyanyikan lagu dalam meter 2 , 4 , 3. 4 4 4 Menghitung dan memainkan bit mengikut tekanan detik pertama dalam setiap bar.

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.1.2 Tempo</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lambat ; Cepat ;</li> <li>• Perubahan tempo (ansur cepat dan ansur lambat)</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti tempo lagu-lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan jenis perubahan tempo dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan ciri-ciri tempo dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan lagu dalam pelbagai tempo.</p> <p>Membanding beza lagu-lagu berlainan tempo.</p> <p>Membuat gerakan kreatif untuk menunjukkan perbezaan dan perubahan tempo.</p>
	<p>1.1.2 Nilai not dan tanda rehat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nilai not dan tanda rehat</li> </ul> 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengecam nilai not dan tanda rehat yang dimainkan, dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengenal pasti nilai not dan tanda rehat dalam corak irama yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menulis corak irama yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Memadankan nilai not yang diperdengar dengan memilih kad imbasan yang disediakan.</p> <p>Memadankan corak irama yang diperdengar dengan memilih kad imbasan yang disediakan.</p> <p>Aras 3 hanya melibatkan not minim, krocet dan kuaver.</p> <p>Guru mengekalkan detik sepanjang aktiviti.</p>



Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pergerakan pic - Pic menaik; Pic menurun</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(b) Mengecam pergerakan pic menaik dan menurun dengan betul berdasarkan not-not yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengecam pergerakan pic dengan betul, berdasarkan keratan lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan perbezaan pergerakan pic dalam kumpulan-kumpulan bunyi yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar, membunyikan, memainkan pic menurun dan menaik</p> <p>Membuat gerakan menunjukkan pergerakan pic yang dimainkan.</p> <p>Mengecam pic menaik dan menurun dalam lagu yang diperdengar.</p>
1.2.6	<p>Bentuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Frasa</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti frasa dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan perbezaan frasa-frasa lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membanding beza frasa lagu-lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.</p> <p>Meniup rekoder mengikut frasa lagu.</p> <p>Membuat gerakan kreatif berdasarkan unit-unit frasa dalam lagu yang diperdengar.</p>


Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Struktur – AB ; ABA</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti seksyen A dan B dalam lagu dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan bahagian-bahagian lagu dengan betul berdasarkan lagu yang dipelajari.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menunjukkan bahagian-bahagian pada lagu, dengan betul dengan cara lakaran / lukisan / gerakan.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai lagu berbentuk AB dan ABA.</p> <p><u>Contoh lagu ABA</u></p> <p>- Majukan Diri</p> <p><u>Contoh lagu AB</u></p> <p>- Melawat Ibu Kota</p> <p>Membuat gerakan kreatif berdasarkan lagu-lagu berbentuk AB dan ABA.</p>
1.3	<p>EKSPRESI</p> <p>1.3.1 Dinamik;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Beransur lembut;</li> </ul>  <ul style="list-style-type: none"> <li>Beransur kuat.</li> </ul> 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti jenis dinamik lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Meletakkan tanda dinamik pada skor lagu dengan betul seperti yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membuat interpretasi yang sesuai dengan cara seperti lakaran / lukisan grafik / gerakan terhadap lagu yang diperdengar.</p>	<p>Menandakan dinamik yang diperdengarkan pada skor atau lirik lagu.</p> <p>Membuat lakuan kreatif bagi menunjukkan dinamik dalam lagu yang didengari, dinyanyikan dan dimainkan.</p> <p>Memainkan dinamik dengan alat perkusi dan rekoder.</p>


Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	1.3.2 Mud – riang, sedih, Bersemangat, Cemas, Takut, Tenang.	ARAS 1  (a) Menyatakan mud lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2  Membanding beza mud pada lagu-lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang se suai.	ARAS 3  Membuat interpretasi mud lagu dengan se suai, dengan cara lakaran / lukisan grafik / tulisan / gerakan.	Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu pelbagai jenis mud.  Membuat lakuan kreatif bagi menunjukkan sifat mud dalam lagu yang didengari, dinyanyikan dan dimainkan.
1.4	SISTEM NOTASI  1.4.1 Simbol  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Not kuaver, krocet, krocet bertitik, minim, minim bertitik, tanda rehat krocet.</li> <li>• Kedudukan not pada baluk G, A, B, C', D'</li> </ul>	ARAS 1  (a) Mengenal pasti lambang not muzik mengikut nilai dengan betul tanpa skor.	ARAS 2  Mengenal pasti lambang not muzik dalam skor lagu, dengan betul.	ARAS 3  Melengkapkan skor lagu dengan not muzik yang dikehendaki dengan betul.	Membaca dan menulis notasi muzik  Membaca, menyanyi dan memainkan melodi mudah.
		(b) Menyatakan nama pic dengan betul mengikut kedudukan not pada baluk.	Menulis not pada baluk dengan betul mengikut nama pic yang diberi.	Menulis not dalam skor lagu dengan betul mengikut nama pic yang dikehendaki.	Membaca dan menulis notasi muzik pada baluk.  Memainkan rekoder berdasarkan skor.


Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.4. 2 Tanda Isyarat dan Istilah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baluk ; Garis bar ; Garis tamat ; Klef trebel ; Tanda ulangan ; Piano ; <i>forte</i> ; <i>andante</i> ; <i>allegro</i>.</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti tanda isyarat dan istilah yang dipaparkan secara terasing dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengenal pasti tanda isyarat dan istilah dalam skor dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mencerakin skor muzik dengan betul secara berpandu.</p>	<p>Mengecam, menyalin, latihan menulis tanda-tanda isyarat.</p> <p>Menyebut istilah yang diberi.</p> <p>Menyatakan maksud istilah.</p> <p>Memadankan istilah dengan maksud yang diberi.</p> <p>Menganalisis skor dengan memberi fokus kepada bilangan bar, frasa, jenis not, dinamik, tempo dan tanda isyarat.</p>

**ASPEK 2 : PENGALAMAN MUZIKAL**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
2.1	<p><b>PENGETAHUAN TEKNIK</b></p> <p>2.1.1 Teknik dalam Nyanyian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Aplikasi teknik - Postur ; Sebutan ; Pemaifasan ; Ekspresi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengamalkan dua teknik nyanyian dengan baik ketika menyanyi.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengamalkan tiga teknik nyanyian dengan baik ketika menyanyi.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengamalkan lebih daripada tiga teknik nyanyian dengan baik ketika menyanyi.</p>	<p>Membuat latihan-latihan nyanyian.</p> <p>Latihan postur, sebutan, pemaifasan, penghasilan ton.</p>
2.2	<p><b>PENGALAMAN MUZIK</b></p> <p>2.1.2 Menyanyi Secara Muzikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran menyanyi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan dua buah lagu berlainan meter, tempo dan ekspresi dengan baik dari segi pic, tempo dan ekspresi.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyanyikan tiga buah lagu berlainan meter, tempo dan ekspresi dengan baik dari segi pic, tempo dan ekspresi.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyanyikan lebih daripada tiga buah lagu berlainan meter, tempo dan ekspresi dengan baik dari segi pic, tempo dan ekspresi.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu dalam meter 2 , 4 , 3 4 4 4 secara solo dan berkumpulan dengan tumpuan kepada tempo, pic dan dinamik.</p>
	<p>2.1.3 Menyanyi Solfa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Solfa – la ; so ; fa ; mi ; re ; do</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan pic la ; so ; fa ; mi ; re ; do dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyanyikan melodi mudah yang mengandungi pic la, so, fa, mi, re, do dengan betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyanyikan melodi mudah yang mengandungi pic la, so, fa, mi, re, do dengan betul.</p>	<p>Membuat latihan solfa dengan pic la ; so ; fa ; mi ; re ; do.</p> <p>Membuat latihan solfa dengan isyarat tangan Curwen.</p> <p>Latihan melodi mudah dengan menggunakan solfa.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>2.1.1 Teknik dalam permainan perkusi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknik bermain dram</li> <li>- Aplikasi teknik : Postur, penghasilan ton, cara mengendali dan memainkan dram getar dan dram tenor</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menunjuk cara teknik yang betul bermain dram getar dan dram tenor berdasarkan teknik konvensional.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan dram getar dan dram tenor dengan teknik yang betul berdasarkan teknik konvensional.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengamalkan teknik bermain dram getar dan dram tenor dengan baik bagi mengiringi muzik nyanyian dan instrumental.</p>	<p>Memainkan alat muzik mengiringi nyanyian dan muzik instrumental.</p> <p>Latihan memegang dan memainkan dram getar, dram tenor dan alat perkusi</p>  <p>Petunjuk:            DG – Dram getar            DT – Dram tenor            R - Tangan kanan            L - Tangan kiri</p>
	<p>2.2.2 Memainkan Alat Perkusi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran bermain alat perkusi</li> <li>- Perkusi ringan ; Dram getar ; Dram tenor.</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memainkan corak irama yang menggunakan nilai not krocet, minim, kuaver dan rehat krocet dengan betul dari segi detik, tekanan, tempo dan dinamik.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan corak irama yang menggunakan nilai not krocet, minim, kuaver, minim bertitik dan rehat krocet dengan betul dari segi detik, tekanan, tempo dan dinamik.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengiringi muzik nyanyian dan instrumental dengan corak irama yang menggunakan nilai not krocet, minim, kuaver, minim bertitik dan rehat krocet dengan betul dari segi detik, tekanan, tempo dan dinamik.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu dalam meter</p> <p>2 , 4 , 3 4 4 4</p> <p>secara solo dan berkumpulan.</p> <p>Mengiringi nyanyian dan muzik instrumental.</p>




Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran bermain dan membaca notasi.</li> <li>- Corak Irama</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memainkan corak irama dengan betul mengikut skor berdasarkan nilai not krocet, minim, kuaver dan rehat krocet.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan corak irama dengan betul mengikut skor berdasarkan nilai not krocet, minim, kuaver, minim bertitik dan rehat krocet.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengiringi muzik nyanyian dan instrumental dengan cekap mengikut skor.</p>	<p>Membaca dan memainkan pelbagai latihan corak irama.</p> <p>Latihan permainan perkusi secara ensemble.</p>
	<p>2.1.3 Teknik dalam permainan rekoder</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aplikasi teknik Postur penjarian ; Penglidahan ; Pernaafasan ; <i>Emboucher</i> ; Penghasilan ton</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menunjuk cara teknik yang betul bermain rekoder.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan rekoder dengan mempraktikkan teknik yang betul secara berpandu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Sentiasa mengamalkan teknik yang betul semasa bermain rekoder</p>	<p>Latihan teknik bermain rekoder.</p> <p>Memainkan lagu-lagu yang mudah.</p>
	<p>2.2.3 Bermain Rekoder Secara Muzikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran bermain dan membaca notasi</li> </ul> 	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Membunyikan tiga pic yang dipelajari dengan tepat mengikut notasi menggunakan penjarian yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Membunyikan empat pic yang dipelajari dengan tepat mengikut notasi menggunakan penjarian yang ditetapkan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membunyikan lima pic yang dipelajari dengan tepat mengikut notasi menggunakan penjarian yang ditetapkan.</p>	<p>Latihan penjarian tanpa tiupan.</p> <p>Membaca notasi dan membuat latihan penjarian not B, A, G, C', D'.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(b) Memainkan rekoder bagi mengiringi nyanyian atau muzik instrumental</li> </ul> <p>- Melodi : pic</p>  <p>- Irama: meter</p> <p>2 , 4 , 3 . 4 4 4</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(b) Memainkan melodi sepanjang empat bar dengan betul daripada lagu-lagu dalam meter</p> <p>2 , 4 , 3 . 4 4 4</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan melodi sepanjang empat bar dengan betul daripada lagu-lagu dalam meter</p> <p>2 , 4 , 3 . 4 4 4</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Memainkan melodi sepanjang empat bar dengan betul daripada lagu-lagu dalam meter</p> <p>2 , 4 , 3 . 4 4 4</p>	<p>Membaca notasi dan memainkan pelbagai jenis lagu dalam meter</p> <p>2 , 4 , 3 4 4 4</p> <p>secara solo dan berkumpulan.</p> <p>Memainkan lagu atau keratan lagu mengikut skor.</p>
	<p>- Harmoni : melodi kaunter</p>	<p>ARAS 1</p> <p>(c) Memainkan melodi kaunter dengan betul mengikut skor secara ensembel.</p>			<p>Memainkan rekoder mengikut frasa.</p> <p>Memainkan rekoder untuk mengiringi nyanyian atau muzik instrumental.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>2.1.3 Kriteria persembahan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseimbangan ; Kesepaduan</li>   <li>• Etika</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengawal keseimbangan dan menjaga kesepaduan, suara dan muzik dengan baik ketika menyanyi dan bermain alat muzik secara berpandu.</p> <hr/> <p>(b) Mengamalkan disiplin yang baik dan tata cara persembahan yang ditetapkan semasa persembahan.</p>	<p>Menyanyi pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p> <p>Memainkan alat muzik dengan pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p> <hr/> <p>Latihan disiplin dan tata cara persembahan.</p>

**ASPEK 3 : EKSPRESI KREATIF**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
3.1	<p><b>PENEROKAAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman menemui</li> <li>- meneroka pelbagai bunyi : bahan improvisasi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Meniru bunyi alam sekitar menggunakan bahan improvisasi dengan ketepatan yang terhampir.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menghasilkan gabungan kesan bunyi yang sesuai daripada tiga jenis bahan improvisasi.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menghasilkan gabungan kesan bunyi yang sesuai menggunakan lebih daripada tiga jenis bahan improvisasi.</p>	<p>Contoh kesan bunyi daripada bahan improvisasi:</p> <p>Beg plastik – bunyi hujan</p> <p>Air dalam botol – ombak atau sungai</p> <p>Tong kosong – guruh</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- meneroka pelbagai bunyi : rekoder</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Meniru bunyi alam sekitar menggunakan alat tiup rekoder dengan ketepatan yang terhampir.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menghasilkan gabungan bunyi yang sesuai daripada dua jenis kesan bunyi daripada alat tiup rekoder.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menghasilkan gabungan bunyi yang sesuai daripada tiga jenis kesan bunyi atau lebih daripada alat tiup rekoder.</p>	<p>Rekorder – bunyi siren, Burung, wisel</p>
3.2	<p><b>IMPROVISASI</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman kreatif</li> <li>- Improvisasi lirik</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Melengkapkan lirik lagu yang diberi dengan perkataan yang sesuai.</p>			<p>Memadankan perkataan bagi melengkapkan lirik lagu yang diberi.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	- mengimprovisasi corak irama	ARAS 1  (a) Memilih corak irama yang sesuai untuk menjawab corak irama yang diperdengar.	ARAS 2  Membina satu corak irama balas sepanjang yang sesuai, sebagai jawaapan kepada corak irama yang diperdengar.	ARAS 3  Membina lebih daripada satu corak irama balas sepanjang yang sesuai, sebagai jaawapan kepada corak irama yang diperdengar.	Membalas corak irama dengan sebutan berirama.  Contoh sebutan berirama:  Soal   Jawab 
3.3	REKA CIPTA  • Pengalaman kreatif  - mereka dpta corak irama	ARAS 1  (a) Mencipta satu corak irama sepanjang dua bar mengikut meter <sup>7</sup> yang ditetapkan.	ARAS 2  Mencipta dua corak irama sepanjang dua bar mengikut meter yang ditetapkan.	ARAS 3  Mencipta lebih daripada dua corak irama sepanjang dua bar mengikut meter yang ditetapkan.	Permainan menjawab corak irama yang diberi.  Mencipta corak irama dengan menggunakan perkusi badan dan alat perkusi.  Menyusun kad-kad untuk mencipta irama.  Contoh kad:  

7 : Guru menetapkan meter, nilai not dan tanda rehat yang digunakan berdasarkan pemetaan kandungan sukatan pelajaran.

**ASPEK 4 : PENGHARGAAN ESTETIK**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
4.1	<p><b>NYANYIAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi respon                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Warna ton</li> <li>- Tekstur</li> <li>- Tempo</li> <li>- Mud</li> </ul> </li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti warna ton, tekstur, tempo dan mud dengan betul berdasarkan lagu-lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan perbezaan warna ton, tekstur, tempo dan mud daripada 2 buah lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membanding beza konsep muzik dalam 3 atau lebih lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Memberi reaksi secara lisan, bertulis dan gerakan kreatif terhadap lagu yang diperdengar.</p> <p>Mendengar pelbagai muzik vokal dan instrumental solo dan kumpulan.</p>
4.2	<p><b>MUZIK INSTRUMENTAL</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi respon                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Warna ton</li> <li>- Tekstur</li> <li>- Tempo</li> <li>- Rentak</li> <li>- Dinamik</li> </ul> </li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti warna ton, tekstur, tempo dan mud dengan betul berdasarkan muzik instrumental yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan perbezaan warna ton, tekstur, tempo dan mud daripada 2 buah muzik instrumental yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membanding beza konsep muzik dalam 3 atau lebih muzik instrumental yang diperdengarkan secara berpandu dengan betul.</p>	<p>Melukis, melakar, menulis refleksi, pantun, catatan rasa dan fikiran.</p> <p>Menginterpretasi muzik yang didengari dalam bentuk grafik.</p> <p>Menyediakan folio tentang aktiviti muzik instrumental.</p>
4.3	<p><b>MUZIK MASYARAKAT MALAYSIA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Meneliti                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- Fungsi</li> </ul> </li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyatakan fungsi lagu-lagu masyarakat Malaysia yang dipelajari dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan perbezaan fungsi lagu-lagu masyarakat Malaysia yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>ARS 3</p> <p>Membanding beza fungsi tiga atau lebih muzik masyarakat Malaysia yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan lagu-lagu masyarakat Malaysia.</p> <p>Menyediakan folio tentang muzik masyarakat Malaysia.</p>

**KANDUNGAN TAHUN 5**


Dalam usaha mencapai matlamat dan objektif kurikulum Pendidikan Muzik KBSR, murid Tahun 5 perlu mempelajari dan menguasai:

**1. KONSEP MUZIK**

(a) Irama

- Detik
- Meter 

2	3	4
4	4	4
- Tempo lambat ; tempo cepat ; perubahan tempo ; tempo sederhana
- Tekanan dalam meter 2an ; 4an ; 3an
- Nilai not dan tanda rehat - Nilai dan notasi not panjang, not pendek dan tanda rehat



- Corak Irama - Rentak Mac, Masri, Waltz, Inang dan Zapin
- Ostinato irama

(b) Melodi

- Pic tinggi / rendah / tengah / tertinggi / terendah / menaik / menurun / melompat / mendatar / bertangga dan Solfa - do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do'

- Warna Ton suara atau bunyi manusia (lelaki/perempuan/kanak-kanak) ; haiwan ; alam sekitar ; perkusi badan ; alat perkusi; alat muzik ; bahan improvisasi
- Harmoni - Lapisan suara dalam bentuk melodi kaunter, dron dan ostinato melodi
- Tekstur dalam muzik solo ; muzik berkumpulan
- Bentuk - Struktur A B ; A B A
- Frasa


(c) Ekspresi



- Dinamik - lembut ; kuat ; beransur lembut ; beransur kuat
- Mud - riang ; sedih ; bersemangat ; cemas ; takut ; tenang

(d) Bahasa Muzik

- Istilah dan tanda isyarat
- Istilah : *Piano* ; *Forte* ; *Andante* ; *Allegro* ; *Legato* ; *Staccato*

- Tanda isyarat





*p* dan *f*

## 2. KEMAHIRAN


### (a) Nyanyian

- Teknik Menyanyi: Postur ; sebutan ; pernafasan ; penghasilan ton ; ekspresi

### (b) Permainan Alat Muzik

- Teknik Perkusi : Cara memegang dan memainkan alat perkusi seperti loceng, kastanet, kayu tik-tok, kerincing, tamborin, dram getar, dram tenor, simbal, rekoder, *sound-block*, *wood-block*, *cowbell*, dram bes, dram tenor dan dram getar.

- Teknik Rekoder:
  - Postur
  - Penjarian not G, A, B, C', D', C tengah, D, E, F, F#, Bb,



- Pernafasan
- *Embouchure*
- Penglidahan
- Penghasilan Ton

### (c) Kriteria Persembahan

- Keseimbangan ; koordinasi ; kesepaduan ; etika persembahan

## 3. KREATIVITI

Pengalaman meneroka, mengimprovisasi dan mereka cipta dengan bunyi.

## 4. APRESIASI

Memberi respon terhadap karya persembahan muzik dengan pelbagai cara seperti lisan , perbuatan, lukisan dan tulisan.

**ASPEK 1 : PERSEPSI ESTETIK  
PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN BAHASA MUZIK**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
1.1	IRAMA 1.1.1 Detik <ul style="list-style-type: none"><li>• Detik berkala</li></ul>	ARAS 1  (a) Memainkan detik secara konsisten sepanjang enam bar dalam meter 3 dan 4. 4 4	ARAS 2  Memainkan detik secara konsisten sepanjang lapan bar dalam meter 3 dan 4. 4 4	ARAS 3  Memainkan detik secara konsisten sepanjang dua belas bar dalam meter 3 dan 4. 4 4	Mengesan detik berkala pada lagu.  Memainkan detik berkala dengan perkusi badan atau alat perkusi.
	1.1.2 Meter  2 ; 3 ; 4 4 4 4	ARAS 1  (a) Mengenal pasti jenis meter pada lagu-lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2  Menyatakan ciri-ciri meter 2 , 3 , 4 dengan jelas. 4 4 4	ARAS 3  Membanding beza meter 2 , 3 , 4 dengan jelas. 4 4 4	Mendengar dan menyanyikan lagu dalam meter 2 , 4 , 3. 4 4 4
	1.1.3 Tempo <ul style="list-style-type: none"><li>• Lambat ; cepat ; sederhana</li><li>• Perubahan tempo – Ansur cepat ; Ansur lambat</li></ul>	ARAS 1  (a) Mengenal pasti jenis tempo pada lagu-lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 2  Menyatakan perbezaan dan perubahan tempo lagu yang diperdengar dengan betul.	ARAS 3  Menyatakan ciri-ciri perubahan tempo pada lagu yang diperdengar dengan jelas.	Mendengar dan menyanyikan lagu dalam pelbagai tempo.







Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
1.2	<p>MELODI</p> <p>1.2.1 Pic</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aras pic - Tinggi ; Rendah ; Tengah ; Tertinggi ; Terendah</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti pic tinggi, rendah, tengah, tertinggi dan terendah daripada sekumpulan bunyi yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengenal pasti dengan betul pic tertinggi dan terendah dalam keratan lagu.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menganalisis lagu dari segi pic dengan tepat.</p>	<p>Mendengar, membunyikan dan memainkan pic tinggi, rendah, tengah, tertinggi dan terendah.</p> <p>Membuat gerakan berdasarkan aras pic yang dimainkan.</p> <p>Mengecam aras pic dalam siri bunyi yang dimainkan.</p> <p>Membaca dan mengecam pic tertinggi dan terendah dalam lagu yang dinyanyikan.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergerakan pic - Melompat ; Mendatar ; Bertangga</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(b) Mengecam pergerakan pic dengan betul berdasarkan not-not yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengecam pergerakan pic dengan betul berdasarkan keratan lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan perbezaan pergerakan pic dalam kumpulan-kumpulan bunyi yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar, mengecam, membunyikan, memainkan pic menurun menaik, melompat, mendatar dan bertangga.</p> <p>Membuat gerakan menunjukkan pergerakan pic yang dimainkan.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.2.2 Harmoni</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lapisan suara - Melodi kaunter ; Dron ; Ostinato melodi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti kehadiran lapisan suara dalam muzik nyanyian dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengecam jenis-jenis lapisan suara dalam muzik nyanyian dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Membanding beza jenis-jenis lapisan suara dalam muzik nyanyian dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>Mendengar, menyanyikan dan memainkan pelbagai muzik nyanyian dan instrumental secara solo dan berkumpulan.</p> <p>Mendengar dan menyanyikan dron dan lagu secara berkumpulan.</p> <p>Menyanyikan lagu dan memainkan ostinato melodi berasaskan skel pentatonik dengan alat muzik seperti glockenspiel atau rekoder.</p> <p>Contoh lagu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jambatan Tamparuli</li> <li>- Inang Cina</li> </ul>
	<p>1.2.3 Tekstur</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Deskripsi tekstur - Tebal ; Nipis</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti tekstur muzik nyanyian dan muzik instrumental yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan dengan betul jenis tekstur muzik nyanyian dan muzik instrumental yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan perbezaan tekstur dalam muzik nyanyian dan muzik instrumental dengan deskripsi yang betul.</p>	<p>Mendengar, menyanyikan dan memainkan pelbagai muzik nyanyian dan instrumental secara solo dan berkumpulan.</p> <p>Memberi deskripsi tekstur lagu yang diperdengar.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.2.4 Bentuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Frasa</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengenal pasti frasa dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Membanding beza frasa-frasa dalam lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan ciri-ciri frasa lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.</p> <p>Memainkan rekoder mengikut frasa.</p> <p>Membuat gerakan kreatif berdasarkan unit-unit frasa dalam lagu yang dinyanyikan, dimainkan atau diperdengar.</p> <p>Ciri-ciri frasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bilangan bar</li> <li>- melodi yang berulang</li> <li>- corak yang berulang</li> <li>- kontur</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur – AB ; ABA</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengecam jenis struktur lagu dengan betul berdasarkan tiga buah lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengecam jenis struktur lagu dengan betul berdasarkan empat buah lagu yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengecam jenis struktur lagu dengan betul berdasarkan enam buah lagu yang diperdengar.</p>	<p>Mendengar , menyanyi dan memainkan lagu-lagu berbentuk AB dan ABA.</p> <p>Membanding beza seksyen-seksyen dalam lagu.</p> <p>Menandakan seksyen-seksyen dalam lagu.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
1.3	<p>EKSPRESI</p> <p>1.3.1 Dinamik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembut ; Kuat ; Beransur lembut ; Beransur kuat</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyatakan jenis dinamik pada lagu-lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menandakan dinamik dengan betul pada skor lagu seperti yang diperdengar.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan perbezaan dinamik dalam lagu-lagu yang diperdengar dengan pernyataan yang sesuai.</p>	<p>Membuat lakuan kreatif bagi menunjukkan dinamik dalam lagu yang didengari, dinyanyikan dan dimainkan.</p> <p>Memainkan dinamik dengan alat perkusi dan rekoder.</p> <p>Mendengar lagu dan menuliskan lambang dinamik pada senikata dan skor lagu yang mudah secara berpandu.</p>
	<p>1.3.2 Mud</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Riang ; Sedih ; Bersemangat ; Cemas ; Takut ; Tenang</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyatakan jenis mud empat buah lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyatakan jenis mud enam buah lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyatakan jenis mud lapan buah lagu yang diperdengar dengan betul.</p>	<p>Mendengar dan menyanyikan pelbagai jenis lagu.</p> <p>Membuat lakuan kreatif bagi menunjukkan mud dalam lagu yang didengari, dinyanyikan dan dimainkan.</p>


Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
1.4	<p data-bbox="367 339 465 363">NOTASI</p> <p data-bbox="367 400 517 424">1.4.1 Simbol</p>   <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="443 699 645 756">• Kedudukan not pada baluk</li> </ul>  	<p data-bbox="732 339 824 363">ARAS 1</p> <p data-bbox="732 400 1032 488">(a) Mengenal pasti simbol notasi muzik tanpa baluk dengan betul.</p>	<p data-bbox="1086 339 1178 363">ARAS 2</p> <p data-bbox="1086 400 1368 520">Mengenal pasti simbol notasi muzik dalam skor lagu yang diberi dengan betul.</p>	<p data-bbox="1415 339 1507 363">ARAS 3</p> <p data-bbox="1415 400 1682 520">Membaca notasi muzik dengan betul menggunakan alat muzik.</p>	<p data-bbox="1718 400 2056 456">Membaca dan menulis notasi muzik.</p> <p data-bbox="1718 488 2033 576">Membaca notasi, menyanyi dan memainkan melodi mudah.</p>
		<p data-bbox="732 699 1016 754">(b) Mengecam pic pada baluk dengan betul.</p>	<p data-bbox="1086 699 1368 786">Mengecam 6-8 pic pada baluk dengan betul dan pantas.</p>	<p data-bbox="1415 699 1671 786">Mengecam semua pic pada baluk dengan betul dan pantas.</p>	<p data-bbox="1718 699 2056 754">Membaca dan menulis notasi muzik pada baluk.</p> <p data-bbox="1718 786 2056 842">Memainkan rekoder mengikut skor yang disediakan.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>1.4.2 Tanda Isyarat dan Istilah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>piano ; forte ; andante ; allegro ; legato ; staccato ; Frasa ; Kaitan/ slur ; Harkat ; Tanda kromat ; fermata / pause ; Baluk ; Garis bar ; Garis tamat ; Klef trebel</i></li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyebut tanda isyarat dan istilah muzik dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengenal pasti tanda isyarat dan istilah dalam skor muzik dengan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menganalisis skor muzik dengan betul secara berpandu.</p>	<p>Mengecam, menyalin, membuat latihan menulis tanda-tanda isyarat.</p> <p>Menyebut istilah yang diberi.</p> <p>Menyatakan maksud istilah.</p> <p>Memadankan istilah dengan maksud yang diberi.</p> <p>Menganalisis skor dengan memberi fokus kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bilangan bar</li> <li>- frasa</li> <li>- jenis not</li> <li>- dinamik</li> <li>- tempo</li> <li>- tanda isyarat</li> </ul>

**ASPEK 2 : PENGALAMAN MUZIKAL**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
2.1	<p>NYANYIAN</p> <p>2.1.1 Teknik Nyanyian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aplikasi teknik - postur ; sebutan ; pernafasan ; penghasilan ton ; ekspresi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mempraktikkan teknik nyanyian yang betul ketika menyanyi.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengamalkan tiga teknik nyanyian dengan baik ketika menyanyi.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengamalkan lebih daripada tiga teknik nyanyian dengan baik ketika menyanyi.</p>	<p>Membuat latihan-latihan nyanyian dengan memberi tumpuan kepada teknik-teknik yang dipelajari.</p>
	<p>2.1.2 Menyanyi Secara Muzikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran menyanyi – pic ; tempo ; dinamik ; mud.</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan pelbagai jenis lagu dengan baik dari segi pic, tempo dan dinamik dengan bimbingan.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu dengan baik dari segi pic, tempo, dinamik dan mud dengan bimbingan.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu dengan intepretasi yang baik.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu dalam meter 2 , 4 , 3 4 4 4 secara solo dan berkumpulan dengan tumpuan kepada pic, tempo, dinamik dan mud.</p>
	<p>2.1.3 Menyanyi Solfa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Solfa – do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do'.</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Menyanyikan pic do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do' secara berpandu dengan tepat.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Menyanyikan pic do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do' dalam keratan lagu yang diberi dengan tepat.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Menyanyikan dengan tepat pic do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do' dalam lagu yang diberi dengan tepat.</p>	<p>Membuat latihan solfa dengan pic do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do'.</p> <p>Menyanyikan lagu atau keratan lagu yang mengandungi pic do ; re ; mi ; fa ; so ; la ; ti ; do'.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
2.2	<p>PERMAINAN ALAT PERKUSI</p> <p>2.2.1 Aplikasi teknik</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memegang / mengendalikan</li> <li>• Memainkan</li> </ul>	(b) Memainkan dram getar, dram tenor dan alat perkusi lain dengan betul mengikut notasi sepanjang dua bar.	Memainkan dram getar, dram tenor dan alat perkusi lain dengan betul mengikut notasi sepanjang empat bar.	Memainkan dram getar, dram tenor dan alat perkusi lain dengan betul mengikut skor lengkap secara berpandu.	<p>Latihan memegang dan memainkan dram getar, dram tenor dan alat perkusi lain.</p> <p>Skor lengkap:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- dua alat perkusi</li> <li>- tiga alat perkusi</li> <li>- empat alat perkusi</li> </ul> <p>Memainkan alat perkusi mengiringi nyanyian dan muzik instrumental secara ensemble.</p>
	<p>2.2.2 Bermain Alat Perkusi Secara Muzikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran bermain alat perkusi</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Memainkan corak irama dengan betul dari segi detik, tekanan, tempo dan dinamik.</p>			<p>Menyanyi dan memainkan pelbagai lagu dalam meter</p> <p style="text-align: center;">2 , 4 , 3 4 4 4</p> <p>secara solo dan berkumpulan.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran bermain sambil membaca notasi</li> </ul>	ARAS 1 (b) Memainkan corak irama sepanjang dua bar dengan betul mengikut notasi.	ARAS 2 Memainkan corak irama sepanjang empat bar dengan lancar dan betul mengikut notasi.	ARAS 3 Memainkan corak irama sepanjang lapan bar atau lebih dengan lancar dan betul mengikut notasi.	Membaca dan memainkan corak irama dan ostinato.
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aplikasi teknik – Postur ; Penjarian ; Pernafasan ; <i>Embouchure</i> ; Penglidahan ; Penghasilan ton</li> </ul>	ARAS 1 (a) Menunjukkan teknik yang betul semasa bermain rekoder.	ARAS 2 Mempraktikkan teknik bermain rekoder yang dipelajari dengan betul semasa bermain rekoder dengan bimbingan guru.	ARAS 3 Mengamalkan teknik bermain rekoder yang dipelajari dengan betul semasa bermain rekoder tanpa bimbingan guru.	Tunjuk cara dan latihan teknik.
	2.2.3 Bermain Rekoder Secara Muzikal <ul style="list-style-type: none"> <li>Kemahiran bermain dan membaca notasi</li> </ul> 	ARAS 1 (a) Memainkan not-not berkaitan dengan penjarian yang betul.			Latihan penjarian tanpa dan dengan tiupan.  Latihan meniup dengan tumpuan kepada teknik pernafasan dan penglidahan.  Membaca notasi - Not C tengah, D, E, F, F#, B <sup>b</sup> , G, A, B, C', D'

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
	<p>(c) Memainkan rekoder bagi mengiringi nyanyian atau muzik instrumental</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melodi yang mengandungi pic C tengah, D, E, F, F#, G, A, B, C', D</li> <li>• Irama                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- meter 2 , 3 , 4 4 4 4</li> <li>- corak irama</li> </ul> </li> <li>• Ekspresi                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- dinamik</li> </ul> </li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(b) Memainkan lagu sepanjang lapan bar yang pelbagai corak irama dalam pelbagai meter dengan betul.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Memainkan lagu sepanjang lapan bar yang pelbagai corak irama dalam pelbagai meter dengan lancar dan betul.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Memainkan lagu melebihi lapan bar yang pelbagai corak irama dalam pelbagai meter dengan lancar, betul dan berekspresi.</p>	<p>Membaca dan memainkan pelbagai jenis lagu dalam meter</p> <p style="text-align: center;">2 4 3 4 , 4 , 4</p> <p>secara solo dan berkumpulan.</p> <p>Memainkan lagu atau keratan lagu mengikut skor.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harmoni                             <ul style="list-style-type: none"> <li>- kaunter melodi</li> </ul> </li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(c) Mengiringi lagu dengan kaunter melodi yang pendek dengan betul mengikut skor dengan bimbingan guru.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengiringi lagu dengan kaunter melodi yang pendek dengan lancar dan betul mengikut skor.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengiringi lagu dengan kaunter melodi dengan lancar dan betul mengikut skor atau tanpa skor.</p>	<p>Latihan memainkan kaunter melodi frasa demi frasa.</p> <p>Menggabungkan permainan kaunter melodi dengan melodi.</p> <p>Memainkan rekoder untuk mengiringi nyanyian atau muzik instrumental.</p>

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
2.4	<p>KRITERIA PERSEMBAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesepaduan ; Keseimbangan ; Koordinasi ;</li> <li>• Etika persembahan</li> </ul>	<p>ARAS 1</p> <p>(a) Mengawal kesepaduan, keseimbangan dan koordinasi suara serta bunyi dengan baik semasa persembahan muzik nyanyian dan instrumental dengan bimbingan guru.</p>	<p>ARAS 2</p> <p>Mengawal kesepaduan, keseimbangan dan koordinasi suara serta bunyi dengan baik ketika persembahan muzik nyanyian dan instrumental.</p>	<p>ARAS 3</p> <p>Mengawal kesepaduan, keseimbangan dan koordinasi suara serta bunyi dengan baik dan konsisten ketika persembahan muzik nyanyian dan instrumental.</p>	<p>Menyanyikan pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p> <p>Memainkan alat muzik dengan pelbagai jenis lagu secara berkumpulan.</p>
		<p>(b) Mengamalkan disiplin dan tata cara persembahan dengan baik mengikut ingatan dan pesanan guru.</p>	<p>(b) Mengamalkan disiplin dan tata cara persembahan dengan baik.</p>	<p>(b) Sentiasa mengamalkan disiplin dan tata cara persembahan dengan baik.</p>	<p>Latihan disiplin dan tata cara persembahan.</p>

**ASPEK 3 : EKSRESI KREATIF**

Bil.	Item	Hasil Pembelajaran			Cadangan Aktiviti / Catatan
